

Rujukan kami: UMP.03.01/10.13/3 (26)  
Tarikh: 1 April 2022

Semua Dekan/ Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.  
YH Prof. Dato'/ YBhg. Prof/ Prof Madya/ Tuan/ Puan,

**EDARAN SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL.1 TAHUN 2022  
PERLUASAN KEMUDAHAN BAYARAN GANTIAN KERETA RASMI JAWATAN BAGI  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama ini dilampirkan Surat Pekeliling Bendahari Bil.1 Tahun 2022 berkenaan Perluasan Kemudahan Bayaran Gantian Kereta Rasmi Jawatan Bagi Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan YH Prof. Dato'/ YBhg. Prof/ Prof Madya/ Tuan/ Puan, selanjutnya.


Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

*"Teknologi Untuk Masyarakat"*

Saya yang menjalankan amanah,



**(ZAINUDIN BIN OTHMAN)**  
Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)  
Universiti Malaysia Pahang

- s.k -
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
  - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
  - Ketua Pustakawan
  - Penasihat Undang-Undang



## **SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2022**

Semua Dekan/Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.

YH Prof. Dato / Prof. / Prof Madya/ Tuan/ Puan,

### **PERLUASAN KEMUDAHAN BAYARAN GANTIAN KERETA RASMI JAWATAN BAGI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan tentang Perluasan Kemudahan Bayaran Gantian Kereta Rasmi Jawatan (KBGKRJ ) Bagi Universiti Malaysia Pahang.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Mesyuarat LPU Bil. 1/2020 pada 22 Februari 2020 bersetuju meminda syarat-syarat kemudahan Kereta Rasmi Jawatan (KRJ) di atas termasuk memberi KBGKRJ kepada pegawai-pegawai yang terlibat sebagaimana Pekeliling Bendahari Bil 2 Tahun 2020;

2.3 Pekeliling di atas adalah ditambah dan dipinda dengan perluasan KBGKRJ sebagaimana kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) Kali Ke 51 Bil. 1/2022 Pada 10 Mac 2022.

### **3.0 PERLUASAN KBGKRJ**

Universiti bersetuju memperluaskan KBGKRJ kepada Pegawai Gred Utama/Khas A atau B atau C termasuk Khas Untuk Penyandang (KUP)/Khas Untuk Penyandang Dalaman (KUPD) yang memegang jawatan pentadbiran tetapi tidak termasuk pegawai yang menerima KRJ dengan kadar bulanan RM2,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ribu Sahaja) dan memenuhi semua syarat berikut:

- i. pegawai menggunakan kereta sendiri;
- ii. bayaran dikreditkan melalui bayaran gaji bulanan;
- iii. kemudahan telah mengambilkira kadar bagi menggantikan KRJ dan kelayakan bahan api sepanjang bertugas rasmi di UMP termasuk TANPA kemudahan lain seperti kemudahan pemandu, bekalan bahan api, penyenggaraan kenderaan, pampasan, bayaran kemalangan, bayaran insurans kenderaan atau kad sistem bayaran tol tanpa resit dan smarttag;
- iv. pegawai bertanggungjawab memastikan kereta rasmi yang digunakan hendaklah sekurang-kurangnya kenderaan jenis segmen B, C atau D dan jenis kenderaan SUV atau sedan, berkeadaan baik, selamat dan tidak menjejaskan imej Pegawai dan Universiti. Kereta rasmi yang digunakan juga hendaklah didaftarkan dengan UMP; dan
- v. kemudahan ini akan ditarik balik apabila tempoh lantikan tamat.

### **4.0 TARIKH KUAT KUASA**

Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh surat ini ditandatangani.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

*"Teknologi Untuk Masyarakat"*

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(ZAINUDIN BIN OTHMAN)**

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)

Universiti Malaysia Pahang

Jumaat, 1 April 2022

- s.k
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
  - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
  - Ketua Pustakawan
  - Penasihat Undang-Undang